



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

LAPORAN SURVEI KEMUDAHAN ASAS, MALAYSIA, 2024

Malaysia mencatatkan kadar pemilikan rumah sebanyak 78.0 peratus pada 2024 dengan akses hampir menyeluruh kepada elektrik (99.9 peratus) dan air paip (97.2 peratus)

PUTRAJAYA, 24 Disember 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini mengeluarkan **Laporan Survei Kemudahan Asas (BA), Malaysia**, yang memaparkan tahap akses isi rumah warganegara Malaysia kepada pelbagai kemudahan asas penting yang menyokong kesejahteraan hidup. Laporan ini menyediakan maklumat berkaitan pemilikan rumah, akses kepada utiliti, jarak ke kemudahan kesihatan dan pendidikan, serta pemilikan pelbagai kelengkapan isi rumah seperti peranti digital, peralatan elektrik dan kenderaan. Data pemilikan rumah mengikut kumpulan pendapatan turut disediakan, manakala laporan ini turut memperkenalkan jadual baharu yang memaparkan pemilikan rumah mengikut kumpulan etnik Ketua Isi Rumah. Jadual tersebut memberi gambaran lebih terperinci mengenai corak pemilikan tempat kediaman mengikut etnik di peringkat nasional dan negeri.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa “kemajuan Malaysia dalam akses isi rumah terhadap perumahan dan utiliti asas dapat dilihat melalui kadar pemilikan rumah di peringkat nasional yang mencatatkan 78.0 peratus. Pemilikan rumah mengikut etnik menunjukkan isi rumah Bumiputera merekodkan 75.0 peratus berbanding 73.3 peratus sebelum ini. Pemilikan mengikut kumpulan pendapatan menunjukkan 85.5 peratus isi rumah dalam Desil 9–10, 75.9 peratus dalam Desil 5–8 dan 76.3 peratus dalam Desil 1–4 memiliki tempat kediaman

(di mana desil merujuk kepada desil pendapatan, dengan Desil 1 mewakili kumpulan pendapatan terendah dan Desil 10 kumpulan pendapatan tertinggi). Bekalan air berpaip terawat mencapai 97.2 peratus di peringkat nasional. Liputan bekalan elektrik pula hampir menyeluruh pada kadar 99.9 peratus. Perkhidmatan kutipan sampah meningkat kepada 75.4 peratus di seluruh negara. Penemuan ini menunjukkan isi rumah di Malaysia menikmati akses yang kukuh terhadap perumahan dan utiliti asas merentasi kumpulan pendapatan dan etnik.”

Selaras dengan penyediaan perkhidmatan kesihatan yang meluas, rakyat Malaysia terus mendapat manfaat daripada ketersediaan kemudahan kesihatan yang signifikan. Sebanyak 97.8 peratus isi rumah berada dalam lingkungan 5 kilometer dari pusat kesihatan awam, manakala 92.8 peratus berada pada jarak yang sama daripada fasiliti kesihatan swasta. Dapatan ini menunjukkan isi rumah di kawasan bandar dan luar bandar mempunyai akses yang baik kepada perkhidmatan perubatan, sekali gus menyumbang kepada liputan kesihatan yang lebih saksama dan komprehensif di seluruh negara. Angka ini membuktikan bahawa kemudahan kesihatan masih mudah dicapai oleh majoriti penduduk, selaras dengan matlamat nasional untuk memastikan akses kesihatan inklusif.

Institusi pendidikan juga kekal mudah dicapai oleh isi rumah di Malaysia. Laporan ini merekodkan bahawa 98.7 peratus isi rumah berada dalam jarak 5 kilometer dari sekolah rendah, 95.9 peratus dari sekolah menengah dan 98.2 peratus dari tadika awam. Tadika swasta pula berada dalam jarak 5 kilometer dari 88.5 peratus isi rumah. Penemuan ini menunjukkan bahawa kemudahan pendidikan berada dalam jarak yang dekat dan mudah diakses oleh keluarga di seluruh negara.

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menekankan bahawa isi rumah di Malaysia kini semakin dilengkapi teknologi penting yang menyokong komunikasi, pembelajaran dan akses kepada maklumat. Isi rumah terus menikmati ketersediaan pelbagai peralatan dan peranti. Pemilikan telefon pintar merekodkan 98.4 peratus, manakala langganan Internet meningkat kepada 99.6 peratus berbanding 96.4 peratus sebelum ini. Pemilikan komputer riba meningkat kepada 57.6 peratus berbanding 53.1 peratus terdahulu, mencerminkan peningkatan akses kepada peralatan digital dan kesalinghubungan. Pemilikan penapis air meningkat kepada 72.0 peratus dan

penghawa dingin kepada 68.8 peratus. Pemilikan kereta meningkat kepada 92.4 peratus dan motosikal kepada 78.4 peratus, menunjukkan peningkatan keupayaan mobiliti dalam kalangan isi rumah.

Selain dapatan peringkat nasional, laporan ini turut menggariskan perbezaan antara negeri dalam pemilikan tempat kediaman dan kelengkapan isi rumah terpilih. Pada tahun 2024, kadar pemilikan rumah mengikut negeri menunjukkan tahap pemilikan yang tinggi di seluruh negara, dengan kebanyakan negeri mencatatkan kadar melebihi 80 peratus. Pemilikan tertinggi direkodkan di Melaka pada 85.6 peratus, Perlis 85.8 peratus, Kedah 85.3 peratus, Kelantan 85.0 peratus dan Perak 85.2 peratus, diikuti Sarawak 84.5 peratus. Beberapa wilayah persekutuan yang lebih berbandar mencatatkan kadar lebih rendah, termasuk W.P. Kuala Lumpur 61.4 peratus dan W.P. Labuan 61.1 peratus, manakala W.P. Putrajaya mencatatkan 27.1 peratus. Perbezaan ini mencerminkan faktor demografi, keadaan pasaran perumahan dan ciri bandar–luar bandar di setiap negeri.

Laporan ini turut memaparkan pemilikan kelengkapan isi rumah terpilih mengikut negeri. Pemilikan telefon pintar kekal tinggi di semua negeri, kebanyakannya melebihi 96 peratus. Pemilikan kereta juga menunjukkan tahap kukuh secara keseluruhan, dengan Pulau Pinang mencatatkan 97.3 peratus, Johor 96.3 peratus dan Selangor 96.4 peratus. Beberapa negeri lain seperti Sabah 82.5 peratus dan Sarawak 83.5 peratus merekodkan pemilikan yang lebih rendah. Corak ini mencerminkan perbezaan keperluan mobiliti, keadaan geografi dan ciri sosioekonomi antara negeri. Secara keseluruhan, dapatan peringkat negeri ini mengukuhkan bahawa isi rumah di Malaysia terus menikmati akses kepada kelengkapan penting yang menyokong komunikasi, mobiliti dan keperluan kehidupan harian.

Melihat kepada kemajuan ini, isi rumah di Malaysia terus menunjukkan pemilikan rumah yang kukuh merentasi kumpulan pendapatan dan etnik, akses meluas kepada bekalan air berpaip, elektrik dan perkhidmatan kutipan sampah, jarak yang dekat kepada kemudahan kesihatan dan pendidikan, serta ketersediaan teknologi digital, peralatan isi rumah dan pilihan hiburan yang pelbagai. Penemuan ini menegaskan peningkatan positif dalam taraf hidup dan kemudahan akses kepada kemudahan asas bagi keluarga di seluruh negara.

Malaysia buat pertama kalinya berjaya merekodkan kedudukan teratas dunia dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory (ODIN)* 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch (ODW)*, mengatasi 197 buah negara lain. Pencapaian ini menandakan lonjakan besar daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian *ODIN* 2022/23.

OpenDOSM NextGen merupakan platform yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan analisis pengguna dan boleh diakses melalui <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA


24 Disember 2025

LAMPIRAN 1

PAPARAN 1: JENIS PEMILIKAN TEMPAT KEDIAMAN




PAPARAN 2: CAPAIAN UTILITI DI TEMPAT KEDIAMAN




LAMPIRAN 2

PAPARAN 3: JARAK DARI TEMPAT KEDIAMAN KE PUSAT PENDIDIKAN DAN FASILITI KESIHATAN

PUSAT PENDIDIKAN




FASILITI KESIHATAN




LAMPIRAN 3

PAPARAN 4: PEMILIKAN PERALATAN DAN PERKHIDMATAN
ISI RUMAH TERPILIH


KENDERAAN



PERALATAN ELEKTRIK




KOMUNIKASI




LAMPIRAN 4

PAPARAN 5: PERATUSAN TEMPAT KEDIAMAN YANG DIMILIKI
MENGIKUT NEGERI, 2024



PAPARAN 6: PERALATAN ISI RUMAH TERPILIH DIMILIKI
MENGIKUT NEGERI, 2024





MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

THE BASIC AMENITIES (BA) SURVEY, MALAYSIA, 2024

**Malaysia recorded 78.0 per cent home ownership in 2024 with
near-universal access to electricity (99.9 per cent)
and piped water (97.2 per cent)**

PUTRAJAYA, 24th December 2025 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the **Basic Amenities (BA) Survey Report, Malaysia**, which presents the level of access among Malaysian citizen households to essential basic amenities that support overall well-being. The report provides information on home ownership, access to utilities, proximity to health and education facilities, and ownership of various household equipment, such as digital devices, appliances, and vehicles. Data on home ownership by income group is available, and the survey introduces new tables detailing home ownership of living quarters by ethnic group of the Head of Household. These new tables provide insights into housing patterns across different ethnic groups at both national and state levels, offering a more detailed perspective on home ownership distribution among Malaysian households.

Emphasising Malaysia's progress in household access to housing and essential utilities, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "National home ownership stood at 78.0 per cent. Ownership of living quarters by ethnicity showed that Bumiputera households recorded 75.0 per cent, compared to 73.3 per cent previously. Ownership by income group indicated that 85.5 per cent of households in Deciles 9–10, 75.9 per cent in Deciles 5–8, and 76.3 per cent in Deciles 1–4 owned their living quarters (where Decile refers to income deciles, with Decile 1

being the lowest and Decile 10 the highest). Treated piped water supply reached 97.2 per cent nationwide. Electricity supply coverage was nearly universal at 99.9 per cent. Waste collection services increased to 75.4 per cent nationally. These findings demonstrate that Malaysian households have substantial access to housing and essential utilities across income deciles and ethnic groups.”

In view of the widespread healthcare services, Malaysians continue to benefit from substantial availability of medical facilities. A total of 97.8 per cent of households are located within 5 km of a public health centre, while 92.8 per cent are within a similar distance to private health facilities. The survey highlights that both urban and rural households have substantial access to medical services, contributing to equitable healthcare coverage across the country. These figures demonstrate that healthcare services remain accessible to the majority of the population, supporting national objectives for inclusive and comprehensive health coverage..

Educational institutions remain widely available for Malaysian households. The report records that 98.7 per cent of households are within 5 km of a primary school, 95.9 per cent near a secondary school, and 98.2 per cent near a public kindergarten. Private kindergartens are within 5 km of 88.5 per cent of households. These findings indicate that schools and kindergartens remain within close reach for families nationwide.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also highlighted that Malaysian households are increasingly equipped with essential technology to support communication, learning, and access to information. Households continue to enjoy broad availability of household appliances and devices. Malaysian households maintain strong access to digital technology, with smartphone ownership reaching 98.4 per cent and internet subscription increasing to 99.6 per cent, up from 96.4 per cent previously. Laptop ownership rose to 57.6 per cent, compared to 53.1 per cent earlier, indicating improved access to digital tools and connectivity. Ownership of water filters increased to 72.0 per cent, and air conditioners to 68.8 per cent. Car ownership climbed to 92.4 per cent, and motorcycles to 78.4 per cent, reflecting improved mobility among households.

In addition to national-level findings, the survey also highlights variations across states in both living quarters ownership and key household equipment ownership. In 2024, living quarters ownership by state showed strong levels of home ownership nationwide, with most states recording rates above 80 per cent. The highest ownership was observed in Melaka at 85.6 per cent, Perlis at 85.8 per cent, Kedah at 85.3 per cent, Kelantan at 85.0 per cent and Perak at 85.2 per cent, followed by Sarawak with 84.5 per cent. Several highly urbanised areas recorded comparatively lower ownership levels, including W.P. Kuala Lumpur with 61.4 per cent and W.P. Labuan with 61.1 per cent, while W.P. Putrajaya recorded the lowest ownership level at 27.1 per cent. These differences reflect demographic composition, housing market conditions and urban–rural characteristics across states.

The survey also reports state-level household equipment ownership, showing consistently high smartphone ownership across all states, with most recording rates above 96 per cent. Car ownership also demonstrated strong levels nationwide, with Pulau Pinang recording 97.3 per cent, followed by Johor at 96.3 per cent and Selangor at 96.4 per cent. Meanwhile, Sabah recorded a comparatively lower level of car ownership at 82.5 per cent, while Sarawak recorded 83.5 per cent. These patterns reflect differences in mobility needs, geographic conditions and socioeconomic characteristics across the country. Overall, the state-level findings reinforce that households nationwide continue to maintain strong access to essential equipment that supports communication, mobility and daily living needs.

Underlining Malaysia's progress in household well-being, Malaysian households continue to demonstrate strong home ownership across income groups and ethnicities, substantial access to piped water, electricity and waste collection services, close proximity to healthcare and educational facilities, and widespread availability of digital technology, household appliances and diverse entertainment options. These findings underscore positive trends in living standards and the increasing accessibility and convenience of essential amenities for Malaysian families nationwide.

Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24th DECEMBER 2025**

APPENDIX 1

EXHIBIT 1: TYPE OF LIVING QUARTERS OWNERSHIP






EXHIBIT 2: ACCESS TO UTILITIES AT LIVING QUARTERS




APPENDIX 2

EXHIBIT 3: DISTANCE FROM LIVING QUARTERS TO EDUCATION CENTRE AND HEALTH FACILITIES

EDUCATION CENTRE




HEALTH FACILITIES




APPENDIX 3

EXHIBIT 4: SELECTED HOUSEHOLD EQUIPMENT & SERVICES OWNERSHIP


VEHICLES



ELECTRICAL APPLIANCES




COMMUNICATION



APPENDIX 4

**EXHIBIT 5: PERCENTAGE OF OWNED LIVING QUARTERS
BY STATE, 2024**



**EXHIBIT 6: SELECTED HOUSEHOLD EQUIPMENT OWNERSHIP
BY STATE, 2024**

